Musa: Kekalkan semangat nasionalisme

BANGI, Selasa — Datuk Musa Hitam malam ini menggesa rakyat, khususnya orang Melayu, supaya mengekalkan semangat nasionalisme dalam membangunkan negara untuk kepentingan generasi akan datang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, semangat nasionalisme terbukti dapat menyatukan rakyat berbilang bangsa dan keturunan di negara ini sejak sebelum Merdeka, hingga tercapai tahap kejayaan sekarang.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap kepada kira-kira 400 anggota Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di majlis tahlil sempena ulangtahun ke-35 gabungan itu di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini.

"Apakah sebabnya kita berjaya — kita berjaya kerana orang-orang Melayu bersatu padu, mempunyai satu haluan, satu hasrat dan satu matlamat — untuk membangunkan masyarakat kita supaya kita tidak tertinggal dalam negara kita sendiri," tegas Datuk Musa.

Beliau menambah, kejayaan negara ini juga dicapai kerana wujudnya semangat kebanggaan dan muhibah dan perpaduan antara orang-orang Melayu dan rakyat bangsa asing.

Bertukar

Datuk Musa mengingatkan bahawa pucuk pimpinan negara tidak akan berkekalan dan sentiasa bertukar dari satu generasi ke generasi lain.

Oleh itu, ujarnya, terpulanglah kepada generasi sekarang untuk meningkatkan pengetahuan dan pelajaran bagi meneruskan pembangunan negara.

Dalam hubungan ini, beliau menggesa mereka supaya menambahkan pengetahuan, bukan sahaja setakat belajar di bangku sekolah atau universiti, tetapi berterusan, dengan fikiran yang terbuka seluas-luasnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka tidak harus membenarkan fikiran mereka disempitkan oleh sesiapa kerana dengan berbuat demikian masa depan orang Melayu beragama Islam boleh terancam.

"Kita harus sedar kita duduk dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, dalam mendapatkan pelajaran dan pengetahuan, kita harus mengambilkira keadaan sekeliling," tambahnya.

Terdahulu dari itu, Datuk Musa dan Datin Maria menunaikan fardu maghrib di Masjid UKM. Mereka berdua juga menghadiri majlis makan malam di Komsis C UKM.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia